

**SAMPAH** sarap yang tersangkut di tiang jambatan menyebabkan pengaliran sungai tidak lancar dan tercemar di Sungai Bunus, Kuala Lumpur, baru-baru ini. — UTUSAN/ SURIYA BONMA



**RANTING** kayu dan aliran masuk sisa industri dari sebatang sungai di Lembah Klang.



**LEMBAH KLANG**

**RANTING** kayu dan sampah sarap tersangkut di jambatan Sungai Kerayong selepas hujan.



**HIDUPAN** akuatik di anak Sungai Semenyih, Selangor adalah antara yang menjadi mangsa kerakusan industri.



**JAUH** dari pandangan awam membuatkan keadaan banyak sungai di sekitar ibu kota seolah-olah tidak diendahkan.



Penting untuk semua kehidupan

# Hargailah sungai kita

Oleh **ROSKHOIRAH YAHYA**  
kota@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 1 JUN**

**S**UNGAI memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seharian, semua benda hidup bergantung kepada sumber alam itu untuk kelangsungan hidup terutamanya manusia.

Manusia tetap memerlukan air sungai untuk pelbagai kegunaan seperti minuman, pemberian, memasak, bertani serta rekreasi walaupun berlaku peru-

bahan dari segi kemodenan serta kecanggihan teknologi pada setiap ketamadunan.

Namun apa yang mengecewakan, anugerah Allah itu tidak dijaga malah ada yang menjadikan sungai sebagai tong sampah walhal mereka menyedari kegunaan dan kepentingannya.

Tinjaun *Utusan Malaysia* di beberapa buah sungai sekitar Kuala Lumpur mendapati airnya mengalir lesu, dipenuhi sampah sarap serta berbau sehingga mendatangkan rasa muak kepada sesiapa sahaja yang mengunjunginya.

Menurut kenyataan Jabatan Alam Sekitar (JAS), secara keseluruhan Indeks Kualiti Air (IKA) bagi tahun 2014 menunjukkan semua stesen pengawasan berada dalam kelas ketiga kecuali Sungai Untut dan Sungai Penchala masing-masing di kelas keempat dan kedua.

Pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melibatkan 11 batang sungai iaitu Sungai Gombak, Sungai Klang, Sungai Jinjang, Sungai Batu, Sungai Keroh, Sungai Bunus, Sungai Toba, Sungai Untut, Sungai Air

Busuk, Sungai Kerayong dan Sungai Penchala.

"IKA digunakan untuk mengukur tahap kualiti air dan kesesuaian jenis guna air seperti yang digariskan dalam Standard Kualiti Air Kebangsaan Untuk Malaysia (NWQS). Data yang diperoleh semasa persampelan air akan dianalisis untuk menentukan kualiti air sungai.

"Bagi mengatasi masalah air sungai tercemar, JAS sentiasa memantau dan menguatkuasakan secara menyeluruh pengoperasian premis-premis dan juga projek pembangunan yang

tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974)," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Tambahnya, JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima sebanyak sembilan aduan pada tahun 2014 dan 14 aduan untuk 2015 berkenaan pencemaran air.

"Selain itu, pencemaran air akan mengurangkan sumber bekalan air minuman dan meningkatkan kos pembersihan air mentah selain memberi kesan buruk kepada manusia, tumbuhan dan haiwan," katanya.